

# Swasta perlu jayakan dinar emas

BH 2/7/03

SISTEM kewangan yang menggunakan dinar emas perlu dibangunkan hingga mencapai tahap berwibawa bagi membolehkan masyarakat peniaga tertarik menggunakannya secara meluas.

Sehubungan itu, Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Latifah Mricnn Cheong, berkata cabaran utama membangunkan dinar emas ialah untuk menjadikannya satu sistem kewangan yang berwibawa.

Katanya, sektor swasta berfungsi penting memastikan kejayaan sistem penyelesaian perdagangan berasaskan emas atau dinar emas kerana mereka adalah pihak yang akan menggunakannya.

“Peniaga sekarang sudah biasa menggunakan kaedah pembayaran konvensional dengan perantaraan bank komersial terutama bagi dagangan dengan negara maju.

Justeru, sebagai permulaan, peniaga kecil dijangka lebih berminat dengan konsep penyelesaian perdagangan menggunakan emas terutama secara pembayaran dua hala (BPA).

“Ini kerana mereka biasanya kurang maklumat mengenai rakan dagang dan status kedaulatan kredit negara luar,” katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Latifah berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja “Mekanisme Pembiayaan Berasaskan Emas untuk Penyelesaian

Perdagangan Antarabangsa pada Konvensyen Antarabangsa Mengenai Dinar Emas sebagai Mata Wang Alternatif Antarabangsa.

Seminar sehari yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dianjurkan Dewan Perdagangan Islam Malaysia, Kuala Lumpur (DPIMKL).

Latifah berkata, Bank Negara mahu meningkatkan leveraj dinar emas dan sekarang ia akan beroperasi menerusi mekanisme penyelesaian perdagangan menerusi BPA.

“Kami sedar banyak isu teknikal yang perlu diselesaikan di kalangan bank pusat untuk melaksanakan BPA, tetapi paling penting

ialah meningkatkan penerimaan penggunaannya,” katanya.

Latifah berkata, Bank Negara mengadakan perbincangan berterusan dengan bank pusat pelbagai negara yang berminat dengan sistem dinar emas.

Ia juga berunding dengan Bank Pembangunan Islam (IDB) untuk mencari jalan penyelesaian berhubung beberapa isu teknikal untuk menggunakan dinar emas dalam BPA.

Antara isu yang masih belum selesai bagi penggunaan dinar emas dalam BPA ialah rangka perundangan dan penyelesaian untuk negara yang sentiasa memiliki lebihan atau defisit dagangan.